



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
01 JULAI 2019 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

BERITA HARIAN

- PBT mesti utamakan zon penampungan

14



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 01 JULAI 2019 (ISNIN)	
Akhbar	BERITA HARIAN
Tajuk Berita	PBT mesti utamakan zon penampunan
Muka Surat	14

14

Nasional

Ancaman industri beracun

24 1/7/2019 ms 14

PBT mesti utamakan zon penampunan



Antara bahan buangan industri yang menjadi punca pencemaran. (Foto Randsan Maslam/BH)

Teliti sebelum lulus projek elak risiko pencemaran

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pihak berkuasa tempatan (PBT) serta perunding perancangan penempatan yang dilantik perlu bijak merancang pembahagian zon pembangunan di antara kawasan penempatan dan perindustrian bagi membendung risiko pencemaran.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga perlu memainkan peranan bagi memastikan setiap pembangunan kawasan industri mematuhi garis panduan zon penempatan yang ditetapkan JAS dan dikeluarkan JPBD sebelum dibangunkan.

Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohammad Mujahed Hassan, berkata Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) juga wajib dibentangkan bagi menilai kesan pembangunan kawasan berkenaan pada peringkat sebelum dan selepas dilaksanakan.

Beliau berkata, penilaian berterusan atau pemantauan berjadual perlu dijalankan, terutama bagi kawasan perindustrian sebagai langkah mengawal pencemaran atau mengurangkan kemungkinan berlaku pencemaran jika ia berhampiran kawasan penempatan atau perumahan.

"Di sinilah peranan pihak berkuasa dan pakar untuk merancang pembahagian zon pembangunan dengan bijak dan sistematis sebelum mewartakan rancangan pembangunan dari akar umbi. Penelitian seharusnya dibuat sebelum meluluskan sebarang pelan pembangunan," katanya kepada BH semalam.

Beliau mengulas langkah perlu diambil oleh pihak berkuasa berkaitan bagi mengawal pencemaran industri yang boleh menjejaskan kesihatan orang ramai, terutama penduduk yang tinggal berhampiran kawasan industri.

Mohammad Mujahed berkata, ketika ini JPBD mengeluarkan Garis Panduan Peletakan Kawasan Perindustrian yang menerangkan keperluan jarak dan elemen zon penempatan diperlukan bagi pembangunan perindustrian di sekitar kawasan penempatan serta perumahan.

Katanya, zon penampunan adalah satu langkah kawalan pencemaran dan pengasingan bagi mengawal atau mengurangkan kemungkinan berlaku pencemaran di kawasan perumahan.

Beliau berkata, jarak selamat di antara satu kawasan penempatan dengan kawasan industri atau zon penampunan adalah 50 meter (m) bagi industri ringan dengan jejuran tanaman selebar 10m, 250m bagi industri sederhana dengan jejuran tanaman 20m dan 500m bagi industri berat dengan jejuran tanaman 30m.

"Dalam zon penampunan, sekurang-kurangnya 70 peratus adalah untuk penampunan hijau dan 30 peratus untuk penampunan fizikal. Sebarang pembangunan seperti jalan raya, longkang, parit, sungai, tasik, tempat letak kereta dan kawasan lapang boleh dipertimbangkan dalam zon penampunan fizikal," katanya.

Beliau berkata, setiap negeri mempunyai Rancangan Struktur Negeri tersendiri dalam Bahagian III, Seksyen 8 hingga 11, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) iaitu mengandungi pernyataan berkenaan cadangan an penampunan dan penggunaan tanah.

Sementara itu, Felo Penyelidik Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata penentuan zon penampunan di antara kawasan perindustrian dan penempatan bergantung kepada beberapa faktor asas seperti jenis industri, topografi asal dan guna tanah sedia ada.

"Jarak antara 100 hingga 500 adalah zon penampunan ditetapkan berdasarkan amalan biasa yang digunakan. Bagi industri berkaitan bahan kimia bertoksik, zon penampunan ditentukan berasaskan kajian risiko pencemaran, sama ada air atau udara.

"Lazimnya, penentuan zon penampunan dilakukan ketika kajian EIA dan pelan pembangunan wilayah atau apabila maklumat mengenai industri diketahui dengan jelas, umpamanya jenis industri, jenis bahan kimia digunakan, jumlah pengeluaran dan sisa industri.

"Semua maklumat ini diperlukan untuk menentukan lebar zon penampunan yang optimum," katanya.

Beliau berkata, sempadan semula jadi, seperti permatang bukit, sungai dan sempadan hutan atau ladang kelapa sawit serta getah sesuai dijadikan sempadan zon penampunan.

Jarak antara 100 hingga 500 meter adalah zon penampunan ditetapkan berdasarkan amalan biasa yang digunakan. Bagi industri berkaitan bahan kimia bertoksik, zon penampunan ditentukan berasaskan kajian risiko pencemaran, sama ada air atau udara.

Ibrahim Komoo, Felo Penyelidik Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM.

TATI UNIVERSITY COLLEGE

PENGAMBILAN PELAJAR DIBUKA
ASASI, DIPLOMA & IJAZAH SESI JULAI
2019/2020

TATI University College (TATIUC), mempelawa lepasan SPM, STPM, Diploma, Asasi dan Matrikulasi yang berkelulusan untuk mengikuti program dalam bidang Kejuruteraan, Pengurusan Teknologi, Teknologi Maklumat dan Seni Reka Grafik.

Semua pemohon perlu melayari laman web :
www.tatiuc.edu.my

Tarikh tutup permohonan : 13 Julai 2019 (11:59 malam)

Kelebihan Belajar Di TATIUC :

- ✓ Yuran pengajian antara yang terendah
- ✓ Mendapat pengiktirafan daripada MQA, UEM, SIRIM
- ✓ Eluan sara hidup sehingga RM 1000 per semester
- ✓ Biasiswa penuh program Asasi
- ✓ Kebahebasan kerja yang tinggi
- ✓ Penginapan disediakan sepanjang pengajian
- ✓ Tidak yuran pengajian dan sara hidup untuk semester kemasyarakatan (bagi program Diploma dan Ijazah)

Syarat Kemasukan Minimum SPM:

- Lulus SPM/SPMV dengan 3 Kredit

DAFTAR SEKARANG!

Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkaitan permohonan, sila hubungi Jabatan Promosi dan Pemasaran di talian :
09 - 860 1130 / 1147 / 1148
017 - 979 8257